

Oktober/November 1993

RPK 141 - Penempatan Manusia

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT Soalan Sahaja. Soalan Bahagian A, Soalan WAJIB dan TIGA Soalan daripada Bahagian B.

BAHAGIAN A - (Soalan WAJIB)

1. Sebagai seorang profesional di Bidang Alam Bina (Perancang Bandar/ Arkitek/Pengurus Projek/Jurutera Bangunan/Ahli Senireka) anda perlu faham tentang manusia dan alam persekitaran. Bincangkan bagaimana pengetahuan anda tentang penempatan manusia dapat membantu melaksanakan tugas anda dengan lebih berkesan.

\* Pilih SATU daripada profesion yang disenaraikan di atas untuk perbincangan.

(25 markah)

BAHAGIAN B

2. Menurut Syed Husin Ali, sistem sosial tradisional telah mengalami perubahan sejak zaman penjajah sehinggalah ke hari ini. Bincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi perubahan ini dan nyatakan kesan perubahan terhadap golongan-golongan tradisional.

(25 markah)

3. Apakah yang dimaksudkan dengan struktur sosial ? Apakah peranan komponen-komponen ini dalam membentuk masyarakat ?

(25 markah)

4. Takrifkan konsep berikut :
- a) Pertumbuhan Ekonomi
  - b) Pembangunan

Bincangkan kebaikan dan keburukan didalam penggunaan konsep-konsep ini untuk mengenal pasti tahap kemajuan sesuatu negara.

(25 markah)

5. Salah satu cara untuk mengenali struktur dalaman sesebuah bandar ialah melalui kegunaan tanahnya. Bincangkan ciri-ciri (seperti kepadatan penduduk, nilai tanah dan kedudukan sosial-ekonomi) yang mempengaruhi gunatanah seperti yang dikemukakan oleh :
- a) Burgess
  - b) Hoyt
  - c) Harris/Ullman
  - d) Von Thunen

(25 markah)

6. Menurut kajian yang telah dijalankan oleh Lim Heng Kow, penempatan awal di Malaysia walaupun banyak tidak berfungsi sebagai satu SISTEM yang berhubungkait. Bincangkan proses kemunculan sistem perbandaran dan faktor-faktor yang mempengaruhi keadaan ini dengan memberi penekanan kepada fungsi bandar-bandar ini.

(25 markah)

-ooo00ooo-